

Pejabat Ketua Pegawai  
Keselamatan Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri

**KESELAMATAN  
PERIBADI**

# **TAJUK**

**I. PENGENALAN**

**II. UNDANG-UNDANG**

**III. TAPISAN KESELAMATAN**

**IV. PENDIDIKAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

**V. PELANGGARAN KESELAMATAN**

# **BAB 6**

## **KESELAMATAN PERIBADI**



I

# **PENGENALAN**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 145

Pegawai awam hendaklah **memahami keperluan dan tanggungjawab untuk mematuhi dan melaksanakan langkah-langkah Keselamatan Perlindungan** mengikut dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan rahsia rasmi diberikan perlindungan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 146

Bagi memastikan pelaksanaan dasar keselamatan perlindungan, pegawai awam **hendaklah tidak mempunyai rekod buruk** yang boleh mengancam keselamatan negara atau mempunyai kaitan dan hubungan secara langsung mahupun tidak langsung dengan ejen-ejen negara asing atau pertubuhan subversif.

### Subversif

- Kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan atau orang perseorangan di dalam atau di luar Malaysia yang tidak sampai kepada perbuatan peperangan yang bermaksud menghancurkan dan membinasakan ketenteraman yang ada dengan cara yang salah di sisi undang-undang atau yang bertentangan dengan perlembagaan.

Contoh: hasutan / penyebaran maklumat salah / politik

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 147

Ketua Jabatan **hendaklah memastikan** pegawai awam bawah tanggungjawabnya diberikan kesedaran dan pendidikan keselamatan perlindungan supaya ia menjadi satu amalan biasa dalam menguruskan rahsia rasmi mengikut dasar, prosedur, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

# **BAB 6**

## **KESELAMATAN PERIBADI**



# **II**

## **UNDANG – UNDANG**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 148

### **Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]**

- merupakan satu akta yang berhubung dengan perlindungan rahsia rasmi dan perkara rasmi, terutama dimaksudkan untuk memelihara **rahsia rasmi** dan **perkara rasmi** daripada jatuh ke tangan orang yang tidak dibenarkan.



# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 149

Ketua Jabatan **hendaklah mengambil langkah menarik perhatian** semua pegawai awam kepada peruntukan Akta 88. Ini adalah peraturan asas pencegahan yang nyata memberikan faedah kepada seseorang pegawai supaya sedar akan tanggungjawabnya mengenai keselamatan perlindungan di sisi undang-undang.

Di samping itu, peraturan ini bertujuan melindungi kepentingan Negara dengan menentukan pegawai awam yang diambil berkhidmat dengan Kerajaan memahami tanggungjawab berhubung keselamatan perlindungan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 150

Sebagai satu lagi peraturan pencegahan, semua pegawai awam dalam perkhidmatan **tetap**, **sementara** dan **kontrak** yang perlu mengetahui rahsia rasmi dikehendaki menandatangani satu borang akuan sebagaimana borang pada **Lampiran 'C'** sebelum mereka dibenarkan mengakses rahsia rasmi.

Semua pegawai awam yang **meninggalkan perkhidmatan** awam juga dikehendaki menandatangani satu akuan sebagaimana borang pada **Lampiran 'D'**.

Akuan-akuan yang telah ditandatangani dan disaksikan hendaklah disimpan di dalam fail peribadi pegawai berkenaan.



**Berapa kalikah borang akuan  
Lampiran 'C' & Lampiran 'D'  
ini perlu ditandatangani.....**

**LAMPIRAN 'C'**

**SETIAP TAHUN  
- SEBAGAI PERINGATAN-**

**LAMPIRAN 'D'**

**SEBELUM  
MENINGGALKAN  
PERKHIDMATAN**

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM  
BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan surat rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan :  
 Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan :  
 Tarikh :  
 Disaksikan oleh

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan :  
 Tarikh :  
 Cap Jabatan

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM APABILA  
MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN  
AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]**

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Dengan ini menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa rahsia rasmi atau surat rasmi kepada mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang itu memegang jawatan dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan Malaysia, dan sama ada di Malaysia atau di negara luar, sebelum dan selepas saya berhenti memegang jawatan dalam perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, surat atau maklumat, anak kunci, lencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak dibenarkan berada dalam milikan atau kawalan saya.

Tandatangan :  
 Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan :  
 Tarikh :  
 Disaksikan oleh

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan :  
 Tarikh :  
 Cap Jabatan

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 151

Ketua Jabatan **hendaklah memastikan mana-mana komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain** yang berurusan dengan perkhidmatan awam dan yang berkhidmat di kediaman rasmi Kerajaan dimaklumi mengenai tanggungjawab untuk melindungi rahsia rasmi mengikut peruntukan berkaitan di bawah Akta 88.

Komuniti keselamatan berkenaan dan pihak-pihak lain tersebut hendaklah menandatangani Perakuan Rahsia Rasmi sebagaimana borang pada **Lampiran 'E'** dan **Lampiran 'F'** apabila tamat kontrak perkhidmatan dengan Kerajaan.



**Berapa kalikah borang akuan  
Lampiran 'E' & Lampiran 'F'  
ini perlu ditandatangani.....**

**LAMPIRAN 'E'**

**SEBELUM  
MEMULAKAN  
PERKHIDMATAN**

**LAMPIRAN 'F'**

**SEBELUM  
MENINGGALKAN  
PERKHIDMATAN**



**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH KOMUNITI KESELAMATAN  
ATAU MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERURUSAN DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM ATAU YANG BERKHIDMAT DI KEDIAMAN  
RASMI KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972  
[AKTA 88]**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan surat rasmi yang saya peroleh semasa berurusan dengan perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan, bertulis atau dengan cara elektronik kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, sama ada dalam masa atau selepas berurusan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila urusan dengan perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia telah selesai.

Tandatangan :  
 Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan / Organisasi :  
 Tarikh :  
 Disaksikan oleh :

(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan :  
 Jawatan :  
 Jabatan / Organisasi :  
 Tarikh :  
 Cap Jabatan / Organisasi :

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH KOMUNITI KESELAMATAN  
ATAU MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERURUSAN DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM ATAU YANG BERKHIDMAT DI KEDIAMAN  
RASMI KERAJAAN APABILA TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN  
DENGAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972  
[AKTA 88]**

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Dengan ini menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa rahsia rasmi atau surat rasmi kepada mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang itu memegang jawatan dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan Malaysia, dan sama ada di Malaysia atau di negara luar, sebelum dan selepas saya tamat kontrak perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, surat atau maklumat, anak kunci, lencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak dibenarkan berada dalam milikan atau kawalan saya.

Tandatangan :  
 Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan/ Pasport :  
 Jawatan :  
 Jabatan/Organisasi :  
 Tarikh :  
 Disaksikan oleh :

(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :  
 No. Kad Pengenalan/ Pasport :  
 Jawatan :  
 Jabatan/Organisasi :  
 Tarikh :  
 Cap Jabatan / Organisasi :

# **BAB 6**

## **KESELAMATAN PERIBADI**



### **III**

## **TAPISAN**

# **KESELAMATAN**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 152

Tapisan Keselamatan adalah satu proses yang dapat membantu menentang kegiatan-kegiatan **subversif, espionaj, sabotaj dan keganasan** sama ada dari dalam atau luar negara.

Proses ini juga mampu mengenal pasti kelemahan keperibadian **pegawai awam, komuniti keselamatan** termasuklah **mereka yang berurusan** dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan di instalasi **Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan** dan **pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam** sama ada dari dalam atau luar negara yang berkhidmat di Jabatan yang berkenaan atau kediaman rasmi Kerajaan yang memungkinan mereka terlibat dengan pendedahan maklumat rahsia rasmi.

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 153

Proses ini juga bagi mengenal pasti pendedahan tanpa kebenaran terhadap rahsia rasmi kepada pihak negara asing atau ejen-ejen mereka dan pihak-pihak yang tidak diberikan kebenaran iaitu mereka akan menggunakan rahsia rasmi untuk memudaratkan kepentingan ekonomi, perdagangan, keselamatan, pertahanan negara, imej dan fungsi-fungsi Kerajaan.

Ini kerana Jabatan banyak mengurus maklumat sensitif dan rahsia rasmi yang boleh memberikan kesan atau keuntungan sehingga boleh memudaratkan keselamatan negara jika sekiranya maklumat-maklumat berkenaan jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011

JPA.BK(S) 256/6/26 Jld.2 (18)

No. Siri:



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2011

PINDAAN PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI  
YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN AWAM

### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pindaan pelaksanaan tapisan keselamatan bagi pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam.

- \* Tapisan keselamatan diwajibkan bagi Kumpulan STPM keatas.
- \* Membuat permohonan 30 hari selepas melapor diri.
- \* Bagi yang telah disahkan dalam perkhidmatan, wajib menjalani dan lulus dalam tempoh setahun dari tarikh disahkan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 154

Terdapat dua (2) jenis Tapisan Keselamatan iaitu:

- a) Tapisan Keselamatan Halus; dan
- a) Tapisan Keselamatan Kasar.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 155

**Tapisan Keselamatan Halus** ialah proses teliti yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam atau yang berkhidmat di kediaman rasmi Kerajaan sama ada dari dalam atau luar negara yang dikehendaki melihat rahsia rasmi pada peringkat “**Rahsia**” atau “**Rahsia Besar**” atau perkara-perkara yang boleh memudaratkan keselamatan perlindungan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 156

**Tapisan Keselamatan Kasar** ialah proses asas yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurusan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan di pepasangan Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam atau yang berkhidmat di kediaman rasmi Kerajaan sama ada dari dalam atau luar negara yang dikehendaki melihat rahsia rasmi setakat peringkat “**Sulit**” atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan perlindungan.



## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 157

**Tapisan Keselamatan Semula** ialah proses tapisan keselamatan yang dilaksanakan bagi menapis semula pegawai awam, komuniti keselamatan dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam atau yang berkhidmat di kediaman rasmi Kerajaan sama ada dari dalam atau luar negara bagi memastikan impak keselamatan perlindungan sepanjang masa yang optimum dan berterusan. Oleh sebab faktor kelemahan peribadi dan sifat manusia, Tapisan Keselamatan Semula dilaksanakan selepas lima (5) tahun atau mengikut keperluan keselamatan bagi menjamin kesetiaan, keutuhan dan integriti seseorang sepanjang perkhidmatannya.

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 158

**Keputusan** tapisan keselamatan yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan jika didapati maklumat yang diberikan dalam proses tapisan keselamatan adalah **palsu**.

**Pembatalan** keputusan tapisan keselamatan yang telah dikeluarkan perlu dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Seseorang yang telah lulus tapisan keselamatan tetapi kemudiannya keputusan itu **dibatalkan** dianggap sebagai telah **gagal** tapisan keselamatan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 159

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan adalah menjadi kuasa pusat mengenai dasar dan pengurusan tapisan keselamatan.

Semua urusan tapisan keselamatan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

Tapisan Keselamatan dijalankan melalui kerjasama strategik bersama Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan.


# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 160

Pegawai awam yang **gagal** tapisan keselamatan boleh **ditamatkan** perkhidmatannya berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa atau dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, P.U. (A) 1/2012

### **Penamatan pegawai yang gagal tapisan keselamatan:**

- (a) Perenggan 49(1), bagi pegawai yang dalam tempoh percubaan atau tempoh percubaan yang dilanjutkan; atau
- (b) Perenggan 49(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan.

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 161

Ketua-ketua Jabatan **hendaklah menentukan** semua **keputusan tapisan keselamatan** dicatatkan ke dalam **Buku Perkhidmatan** semua pegawai awam.

Keputusan terhadap pegawai awam yang tidak mempunyai catatan buruk hendaklah direkodkan **“Tiada apa-apa yang buruk diketahui setakat ini”** dan keputusan terhadap mereka yang mempunyai catatan buruk hendaklah direkodkan **“Rujukan kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan hendaklah dibuat untuk keterangan lanjut”**.

Semua rekod keputusan hendaklah mengandungi **No. Rujukan, Tarikh** dan **Keputusan Tapisan Keselamatan** yang diperolehi dari Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 162

Seseorang yang telah lulus tapisan keselamatan **tidak berhak** melihat semua rahsia rasmi secara automatik tetapi hanya setakat yang perlu untuk membolehkannya menjalankan kewajipan-kewajipannya.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 163

Ketua-ketua Jabatan bertanggungjawab untuk:

- melantik pegawai atau kakitangan sebagai pemegang **Jawatan Keselamatan Berjadual (JKB)**; dan
- menyelenggara dan mengemaskini fail mengandungi satu senarai yang lengkap mengenai semua JKB dan pemegang jawatan tersebut dalam jabatan masing-masing.

Salinan senarai serta apa-apa cadangan perubahan mengenai JKB itu sendiri ataupun pemegangnya hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Semua pemegang JKB mestilah menjalani tapisan keselamatan.



# **BAB 6**

## **KESELAMATAN PERIBADI**



### **IV**

## **PENDIDIKAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 164

**Pendidikan Keselamatan Perlindungan** merupakan asas bagi kawalan keselamatan yang berkesan. Semua pegawai awam **perlu menjalani** latihan keselamatan perlindungan.

Pegawai awam hendaklah menerima dan mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan sebagai kewajipan supaya sentiasa sedar terhadap keselamatan perlindungan.

Ketua Jabatan **hendaklah memastikan** semua pegawai awam di Jabatannya mengikuti program pendidikan keselamatan perlindungan dan memasukkan modul keselamatan perlindungan dalam kurikulum kursus di semua Jabatan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 165

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia berperanan sebagai pemangkin untuk mewujudkan budaya kerja selamat melalui latihan Keselamatan Perlindungan kepada Jabatan Kerajaan serta pihak swasta yang berkaitan.

# **BAB 6**

## **KESELAMATAN PERIBADI**



**V**

# **PELANGGARAN KESELAMATAN**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 166

Pelanggaran keselamatan berlaku apabila peraturan, arahan, undang-undang tidak dipatuhi atau kecuaiian yang boleh mengancam keselamatan Jabatan.

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 167

Kecuaian dan kelalaian tersebut meliputi:

- a) **bercakap** mengenai rahsia rasmi **melalui telefon** atau di **tempat-tempat awam** atau **menyampaikan** maklumat rahsia rasmi kepada sahabat handai atau saudara mara yang tidak dibenarkan mengetahuinya;
- b) menguruskan rahsia rasmi dengan cara-cara yang tidak dibenarkan misalnya gagal mematuhi sistem yang betul bagi **menerima, memproses, menyimpan** dan **menghantar** rahsia rasmi;
- c) **membenar** atau **mendedahkan** rahsia rasmi kepada orang-orang yang tidak dibenarkan;
- d) **menyimpan** rahsia rasmi dalam bekas atau peti yang tidak dibenarkan;
- e) **gagal** mengunci peti keselamatan atau bilik apabila meninggalkan pejabat;

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



### Perenggan 167 (Sambungan)

- f) Prinsip-prinsip Keselamatan **gagal** dipatuhi;
- g) buangan-buangan rahsia rasmi **dimusnahkan** dengan cara yang tidak dibenarkan atau cuai mengendalikannya;
- h) **menyalin** dan **membawa** keluar maklumat Jabatan dengan menggunakan media storan seperti *Universal Serial Bus (USB)*, *external hard disk* dan sebagainya;
- i) **meninggalkan** komputer tanpa logoff/lockscreen komputer;
- j) **menulis kata laluan** dan menampalnya contohnya di skrin komputer, di atas meja dan lain-lain;
- k) **penggunaan** kata laluan yang lemah; dan
- l) pengawal keselamatan **cuai** menjalankan kewajipan mereka.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 168

Pelanggaran keselamatan juga boleh berlaku akibat kegiatan pertubuhan-pertubuhan perisik dan kumpulan subversif dengan menggunakan salah satu atau semua cara yang berikut:

- a) menyamar diri sebagai pegawai awam untuk mendapat akses kepada rahsia rasmi atau memasuki pejabat dengan cara memecah masuk atau tanpa kebenaran untuk mencuri, menyalin atau mengambil gambar foto rahsia rasmi;
- b) memintas, mencuri atau menyalin rahsia rasmi semasa dalam perjalanan pos atau daripada pembawa;
- c) memeras, mendesak atau memujuk orang-orang yang dibenarkan akses kepada rahsia rasmi untuk mendapatkannya; dan
- d) mencuri dengar percakapan telefon atau menggunakan alat-alat pendengaran dan rakaman untuk mendapatkan rahsia rasmi.



# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 169

Pegawai awam yang mengetahui, mengesan atau mengesyaki kejadian atau perbuatan pelanggaran keselamatan dikehendaki melaporkan dengan serta-merta kepada **Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)** atau **Ketua Jabatan** yang akan menyiasat dan mengemukakan laporan kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Laporan tersebut hendaklah mengandungi pandangan dan taksiran bahayanya terhadap keselamatan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 170

Sesiapa yang mengesyaki sebarang **kegiatan pengintipan** atau **diminta supaya mendapatkan rahsia rasmi**, atau **diminta membantu dengan apa jua cara** adalah dikehendaki melaporkannya kepada pegawai polis berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi atau kepada Ketua Jabatan yang berkenaan mengikut peruntukan seksyen 7A, Akta 88. Adalah mustahak laporan-laporan mengenai pengintipan yang disyaki hanya diberitahu kepada Cawangan Khas Polis DiRaja Malaysia supaya tindak balas yang berkesan tidak terjejas.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



**Kewajipan melaporkan permintaan bagi maklumat, dll.**

7A. (1) Seseorang yang dengan apa-apa jua cara dihampiri oleh mana-mana orang lain sama ada secara langsung atau secara tidak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia yang—

- (a) berhubungan dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau yang berhubungan dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu;
- (b) berhubungan dengan kelengkapan perang dan perkakas, kelengkapan dan jentera lain yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia;
- (c) telah dibuat atau didapati bersalahan dengan Akta ini;
- (d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau
- (e) telah dibuat atau didapatinya, atau yang dia mempunyai akses kepadanya, disebabkan oleh kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat

**AKTA  
RAHSIA RASMI  
1972  
[AKTA 88]**

## BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil kerja oleh atau dengan seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak sedemikian,

selain dalam penjalanan tugasnya, hendaklah dengan serta-merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi, dan jika dia ialah seorang pegawai awam adalah mencukupi baginya membuat laporan secara bertulis kepada ketua jabatan pegawai awam itu.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun.

**AKTA  
RAHSIA RASMI  
1972  
[AKTA 88]**

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 171

Arahan-arahan khas mengenai laporan kegiatan pengintipan di dalam Angkatan Tentera Malaysia hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa Angkatan Tentera yang berkenaan.

# BAB 6 - KESELAMATAN PERIBADI



## Perenggan 172

Pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuklah Akta 88 atau tindakan tatatertib di bawah peraturan-peraturan pegawai awam yang berkaitan hendaklah diambil ke atas sesiapa yang terlibat dalam **kecuaian**, **kelalaian** dan **pelanggaran keselamatan** yang membahayakan rahsia rasmi.

Keluasan maksud pendakwaan juga meliputi **pengendali**, **pentadbir**, **mana-mana individu yang bekerja** atau **telah bekerja** dengan pembekal perkhidmatan yang memegang kontrak dengan Kerajaan atau mereka yang berkepentingan.

**CARA  
PERMOHONAN  
TAPISAN KESELAMATAN**



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN  
MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI

<https://evetting.cgso.gov.my>

 PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI

21 Jan 2015 11:51:34

 -Verfing 2.0

[Log Masuk](#) | [Daftar](#) | [Soalan Lazim](#) | [Aduan](#) | [Panduan Pengguna](#) | [Hubungi Kami](#)

BM | EN

Jenis Pengguna:  Pemohon Individu  Pemohon Syarikat/Jabatan  Pengesah Jabatan

ID Pengguna:

Kata Laluan:

[Lupa Kata Laluan](#)

Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox 3 atau Internet Explorer 10.0 ke atas.

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN



The background of the slide is a stylized, wavy representation of the Malaysian flag. It features the blue canton with the yellow 16-pointed star (Bintang Perak) in the upper left, and the red and white horizontal stripes (Gurajonggok) on the right. The text is centered over the white stripe.

# **SESI SOAL JAWAB**



**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan  
Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri**

**Sekian, terima kasih**